

# Tiada bermusim

**PENYANYI Nor Farhana Abu Bakar** mengakui rasa bertuah apabila dapat bekerjasama dengan Orkestra Kuala Lumpur.

Selama 10 tahun berkhidmat di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), pelbagai pengalaman manis yang dikecapi. Antaranya apabila berpeluang menyanyikan lagu-lagu bidaan negara, Datuk Sharifah Aini dalam konsert anjuran DBKL baru-baru ini.

Farhana yang mempersembahkan lagu Teratai, Terbang Helang dan Kau Pergi Tanpa Pesan menganggap peluang keemasan itu jarang diperolehi.

“Sejujurnya saya bangga dan rasa bertuah apabila dapat membuat persembahan di konsert *tribute* buat Sharifah Aini. Lagu-lagu beliau memang susah untuk dinyanyikan, nampak macam senang, tapi tak semudah itu.

“Lagu-lagunya mempunyai unsur nasihat dan elemen mendidik, dalam masa yang sama tak puas didengar. Ditambah pula suara arwah yang lunak,” katanya.

Farhana juga menyatakan rasa kagumnya terhadap lagu-lagu Sharifah Aini yang malar segar sehingga ke hari ini.

“Pernah tak kita fikir, bagaimana lagu-lagu arwah boleh kekal popular sehingga ke hari ini. Malah sentiasa menjadi pilihan untuk program televisyen dan persembahan pentas lain.

“Lagu sekarang banyak yang sedap dan hebat tapi hanya sementara. Saya tak cakap semua lagu. Ada sesetengah lagu yang bertahan hanya untuk beberapa tahun, kemudian peminat lupa. Belum lagi lagu-lagu yang tular dalam tempoh yang singkat, kemudian dilupakan,” ujarnya.

Tambahnya berbeza dengan lagu-lagu Sharifah Aini, ia tidak bermusim malah biarpun beribu lagu baharu yang muncul namun ia tetap kekal menjadi pilihan. 

